

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 1



PENDEKATAN IJTIHAD DALAM MENANGANI GELAGAT PENGURUSAN SEMASA: SATU PANDANGAN AWAL.

HASAN BAHROM
Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah

ABSTRAK

Isu pengurusan selalunya dihubungkan dengan manusia iaitu anggota yang mengendalikan sesuatu urusan. Pada praktiknya semimangnya begitu, di mana kelakuan pengurusan sesuatu organisasi atau institusi berkait rapat dengan tatakelakuan, emosi [kecenderungan] dan tahap pemikiran individu yang mengelolaknya. Pada kebiasaannya sekalipun struktur organisasi dan sistem pengurusan sesuatu organisasi mampan dan terkini, namun ianya tidak akan berfungsi sebagaimana adanya. Kalau pengendali pengurusan organisasi tidak dapat memfungsikannya mengikut tatanilai yang dikehendaki. Justeru itu akan wujudlah pandangan negatif masyarakat dalam pengurusan sesuatu organisasi seperti kerana birokrasi, salah guna kuasa, pilih kasih, ketidakadilan, menyukarkan, membebankan para pelanggan, tidak cekap dan kompetan, sekalipun metrial organisasi pejabat itu sempurna dan lengkap. Elemen inilah yang mendorong para pengkaji pengurusan selalu melakukan pengubahsuaian terhadap teori, tatanilai sesuatu pengurusan dengan mencadangkan re engineering kepada sesuatu sistem pengurusan secara holistik. Kertas ini akan cuba menganalisa dan mengemukakan beberapa idea yang boleh diketogerikan sebagai salah satu jalan keluar atau kaedah yang boleh diguna pakai dalam menyelesaikan gelagat pengurusan yang sentiasa berubah dan berkembang mengikut aliran pemikiran dan suasana persekitaran yang melingkunginya. ". secara ringkas kertas ini akan membincangkan aspek-aspek yang berhubungan dengan kefahaman mengenai ijihad, pengaruh ijihad dalam pengurusan Islam dan keserasian ijihad dalam sistem pengurusan semasa.

PENDAHULUAN

Persoalan pentadbiran dan tatakelakuannya adalah persoalan pendekatan atau cara yang bertunjang kepada permasalahan *ijtihadiah* dan menyangkut dalam masalah *furu'iyah* yang tidak disepakati ulama' dalam menentukan boleh dan tidakbolehan sesuatu isu.. permasalahan pendekatan atau cara bergantung rapat dengan daya keupayaan atau kemampuan penangungjawab sama ada yang menyangkut dengan organisasi atau manusia yang mengendalikan organisasi tersebut. Juga bersangkutpaut dengan corak dan gaya pembawaan individu yang mengendalikan sesuatu organisasi. Corak, cara atau gaya sesuatu pentadbiran boleh diubahsuai mengikut keperluan dan kondisi masa, tempat dan manusia sesuatu urusan itu dikendalikan. Ia bukanlah sesuatu yang tetap dan tidak boleh untuk diubahsuai corak dan bentuknya mengikut keperluan semasa. Ini dapat dilihat daripada corak dan gaya kepimpinan *khulafa' al-Rasyidin* saling berbeza antara satu sama lain. Sekalipun Abu Bakr ra mengambil kepimpinan dari Rasulullah saw namun corak dan gaya pengurusannya berbeza dengan gelagat kepimpinan yang dibawa oleh Rasulullah saw, demikian juga Umar al-Khatib yang mengambil alih kepimpinan Abu Bakr ra, tetapi dari sudut corak pengurusannya lebih banyak merujuk kepada corak dan gaya pengurusan yang terdapat di Rum atau Parsi. Hal yang sama juga berlaku pada masa kepimpinan Uthman al-'Afan corak kepimpinannya jauh berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Abu Bakr dan Umar al-Khatib. Dasar kebebasan semasa Uthman ra diberikan seluasnya kepada masyarakat dimana dasar itu tidak diberi ruang seluasnya semasa kepimpinan Abu Bakr dan Umar al-Khatib. Berdasarkan suasana ini secara tuntas dapat disahkan bahawa gelagat pengurusan bukanlah persoalan hukum yang menentukan kesahan sesuatu tindakan atau tidak. Ini bermakna corak, bentuk dan metodologi pengurusan adalah permasalahan ijihad yang boleh diubahsuai sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

PENGERTIAN IJTIHAD

Untuk lebih dekat lagi kita melihat sepintas lalu kata dasar ijihad itu diwujudkan. Ulama telah mengemukakan erti ijihad kepada pelbagai makna. Antaranya pengertian yang dikemukakan oleh Abdul Rahman Doi dimana ijihad diertikan kepada penggunaan daya pentaakulan manusia bagi menghurai dan menjelaskan undang-undang syariah. Iaitu pelbagai proses mental dalam penafsiran nas al-Qur'an sehinggalah kepada penilaian terhadap keesahan hadis. [Abdulrahman Doi:1991:59] Berbeza dengan

pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Iqbal yang melihat ijtihad kepada ikhtiar secara bersungguh-sungguh dengan tujuan mendapatkan sesuatu maksud, dengan membuat pertimbangan yang bebas tentang sesuatu persoalan undang-undang [Iqbal:1991:59] Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh Said Ramadan beliau menyatakan ijtihad ialah pertimbangan sendiri tidak dapat dibuat tanpa adanya kebebasan individu untuk berfikir dan mengeluarkan pendapat. Pertimbangan sendiri hanya dapat dibuat apabila tidak terdapat ayat al-Qur'an dan Sunah yang berkaitan dengan perkara atau keadaan yang dihadapi dan seterusnya ia boleh dibuat selagi kebebasan berfikir itu tidak terkeluar daripada landasan al-Qur'an dan al-Sunnah [Said Ramadan]. Sementara pendapat Imam al-Saukani dalam kitabnya *Irsyad al-Futuh* melihat ijtihad itu sebagai mencurahkan segala kemampuan guna mendapatkan hukum syarak yang bersifat operasional dengan cara *istinbat* [mengambil kesimpulan hukum [hal:250]. Sementara al-Amidi tidak puas dengan tafsiran yang dibuat oleh Saukani yang hanya berlegar dalam mencurahkan kemampuan sahaja, justeru itu dalam kitabnya *al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*, beliau menekankan ijtihad sepatutnya mestilah bermaksud mencurahkan semua kemampuan untuk mencari hukum syarak yang bersifat zann, sampai merasa dirinya tidak mampu untuk mencari tambahan kemampuan itu. [hal:218]

Berdasarkan kepada pendefinisian tersebut jelas memperlihatkan bahawa ijtihad ialah usaha-usaha yang dilakukan secara bersungguh untuk mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang dihadapi baik berbentuk hukum, cara dan hasil yang hendak dicapai. Justeru itu pada al-Syaf'ie berpendapat mereka yang berkemampuan untuk melakukan ijtihad atau pandangan tidak boleh lari daripada memikul tanggungjawab dalam persoalan yang mereka hadapi, katanya “ seorang mujtahid tidak boleh mengatakan “tidak tahu” dalam sesuatu permasalahan sebelum mereka bersuaha dengan bersungguh-sungguh untuk menelitinya dan tidak memenuhi hukumnya. [al-Qardawi:13] berdasarkan kepada pengertian itu secara jelas telah menutup peluang bagi individu yang bersifat tergesa-gesa tanpa membuat pemerhatian dan penyelidikan dalam mengambil sesuatu keputusan. Kerana itu para ulama sebelum membuat sesuatu keputusan atau jawapan terhadap sesuatu persoalan yang dikemukakan kepadanya mereka telah membuat pentelaahan yang mendalam dan terperinci.

KEABSAHAN PENGGUNAAN IJTIHAD

Terdapat beberapa ruang yang membolehkan untuk melakukan ijtihad dalam apa juga persoalan khususnya dalam persoalan pengurusan kerana ia bukan persoalan akidah. Dalil al-Qur'an yang menggalak kita berjihad telah disebut dalam firman Allah swt surah al-Nisa 83. Maksudnya” Dan kalau mereka menyerahkan kepada Rasul dan *Ulil Amri* di antara mereka tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya akan dapat mengetahuinya dari mereka [Rasul dan *Ulil Amr*] dan surah al-Syura ayat 38. Bermaksud “ sedangkan urusan mereka diputuskan dengan mesyuarat antara mereka.”

Sementara dalam sunah Rasulullah saw meyebut dalam sabdanya bermaksud. “ apabila seorang hakim berjihad dan benar maka baginya dua pahala tetapi bila ia berjihad lalu keliru maka baginya satu pahala.” Demikian juga kenyataan Rasulullah saw ketika melantik Mu'az bin Jabal ke Yaman sebagai penguasa. Baginda telah menguji ketinggian ilmu Muaz dengan Sabdanya bermaksud “ sekiranya kamu berhadapan dengan masalah dengan apa kamu memutuskan, Mu'az menjawab dengan kitab Allah, kata Nabi jika tidak mendapatnya, jawab Mu'az dengan Sunnah Rasul, kata Nabi bila kamu tidak mendapatnya. Kata Mu'az aku berjihad dengan pendapat aku, sedangkan aku tidak mengabaikan usaha. Hadis ini jelas menggambarkan daya keupayaan intelektual tidak dikesampingkan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Dari aspek pandangan *ijma ulama* dalam mengesahkan kebolehan menggunakan ijtihad menyelesaikan sesuatu persoalan telah berhujah menggunakan logik, dimana mereka berpandangan, akal kitapun mewajibkan untuk kita melaksanakan ijtihad kerana sebahagian besar dalil-dalil hukum syarak pada praktiknya bersifat zanni yang menerima berbagai interpretasi pendapat sehingga memerlukan ijtihad untuk menentukan pendapat yang lebih kuat dalam banyak pendapat yang dikaji. Demikian juga perkara yang tidak ada nas menuntut adanya ijtihad agar dapat menjelaskan hukum yang ada di dalamnya. Ini dapat kita lihat daripada pandangan yang dikemukakan oleh al-Saytibi dan Imam Ghazali yang meletakkan hukum melakukan ijtihad adalah fardu kifayah beliau membuat perbandingan dengan hukum menuntut ilmu perubatan, usaha-usaha perindustrian, kerja pembuatan jahit menjahit dan pembangunan industri, pada mereka semua perkara itu kewujudannya adalah fardu kifayah maka pelaksanaan industri dan ilmu yang bersangkutan dengannya juga fardu Kifayah.

Sementara Hasan al-Basri menyatakan masalah yang selalunya menjadi bidang ijtihad adalah hukum-hukum yang masih diperselisihkan oleh Mujtahid. Imam ghazali menyatakan pada logiknya kalaulah ijtihad

itu tidak boleh tentunya Allah swt menjadikan dalil-dalil itu semuanya *qat'ie* dan nas-nas yang *muhkam* [jelas dan nyata] yang boleh menghilangkan keraguan dan tidak lagi perlu dibahaskan dan Allah swt melarang berlakunya perdebatan, kerana itu terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang berbentuk *Mutasyabihat* [keliru] sebagaimana yang difirmankan oleh Allah swt. dalam surah Ali Imran ayat 7, yang bermaksud “ diantara kandungan al-Qur'an ada ayat-ayat yang *Muhkamat* [terang] itulah pokok al-Qur'an dan yang lain ayat-ayat yang *Mutasyabihat* [keliru]....”

Hikmat penurunan ayat *mutasyabihat* ini ialah untuk memberi kesempatan terjadinya beberapa pemahaman dan interpretasi. Ini berlakulah ulama boleh berselisih pendapat dalam masalah fiqh dan amalnya kerana bentuk al-Qur'an itu begitu asasnya. Yusof al-Qardawi melihat apabila ijtihad itu perlu setiap zaman maka pada zaman kita ini sekarang lebih memerlukan kepada ijtihad daripada zaman sebelumnya kerana adanya perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan perkembangan sosial yang mendadak.” [Yusof al-Qardawi:127] walau bagaimanapun pada Yusof al-Qardawi ijtihad pada masa kini lebih merupakan *ijtihad ijtimai'ie* [ijtihad kolektif] dalam bentuk lembaga ilmiah yang terdiri daripada pelbagai individu yang memiliki bidang kemampuan yang berbagai.

Ijtihad yang dimaksudkan disini ialah perbincangan masalah-masalah baru dan moden serta berusaha mencari jalan penyelesaian berdasarkan hukum-hukum pokok, khususnya dalam bidang pengurusan atau pentadbiran yang selalunya tidak menyentuh soal hukum, cuma menyentuh soal jalan atau metodologi pelaksanaan kepada hukum. Terdapat banyak kes yang dalam sepanjang sejarah Islam yang memperlihatkan ijtihad digunapakai dalam menyelesaikan sesuatu persoalan semasa dengan melihat realiti setempat. Antaranya.

Kes 1. Ijtihad yang dibuat oleh Abu Ibrahim dalam kes berhubung dengan penggunaan air dalam hal air. Kes yang dimaksudkan ialah berhubung satu lembah yang bernama wadi Masmuda berhampiran dengan kota Fez yang mempunyai pelbagai pengguna yang menggunakan bekalan air di lembah tersebut. Terdapat lima jenis pengguna yang menggunakan bekalan air di lembah tersebut iaitu pengguna rumah seperti makan, minum, mencuci, kedua pemilik telaga mereka menyalurkan air najis mereka ke dalam sungai, petani dan ahli tukang yang menggunakan bekalan air ini untuk mendapat keuntungan dalam profesion masing-masing. Persoalan timbul dalam kontek untuk menentukan siapakah yang bertanggungjawab dalam usaha pembersihan sungai tersebut. Persoalan ini timbul kerana dalam prinsip perundangan Islam, air sungai yang mengalir tidak boleh dimiliki oleh mana-mana pihak dan sehubungan dengan itu, timbul persoalan pihak mana yang akan bertanggungjawab dalam pembersihan sungai tersebut. Akhirnya, setelah perbincangan dan penyelidikan dibuat, fatwa telah dikeluarkan dimana hanya pihak yang menggunakan bekalan air sungai ini untuk aktiviti-aktiviti yang membawa keuntungan yang diminta untuk melakukan pembersihan sungai tersebut.[al-Wansyarisi: 20 – 27]

Kes 2. Dalam kitab *Mi'yar* mencatatkan kes konflik antara Muslim dan Kristian. Kes ini berlaku pada kurun 10 masehi dimana seorang hakim mengajukan satu persoalan kepada Abu Ibrahim dimana wanita Kristian yang telah dihadapkan di hadapan hakim atas tuduhan telah menukar agama daripada Islam kepada Kristian. Wanita ini telah menolak dakwaan dan tuduhan jiran-jirannya yang beragama Islam yang beliau telah menukar agama kerana wanita ini mendakwa bahawa agama beliau yang asal ialah kristian. Jiran wanita ini sebaliknya dan mendakwa dimana ayah kepada wanita ini telah menukar agama daripada Kristian kepada Islam di masa wanita ini masih lagi kanak-kanak. Para jiran wanita ini mendakwa bahawa berdasarkan perundangan Islam, wanita ini sebenarnya mesti mengikut agama ayahnya kerana apabila ayah beliau menukar agama, statusnya sebagai anak dhimmi bertukar kepada anak Islam. wanita itu mendakwa sebaliknya iaitu walaupun benar ayah beliau telah menukar agama, namun beliau masih berpegang kepada agama asal dan selepas kematian ayah beliau, beliau telah dipelihara oleh ibu beliau selama 20 tahun sebelum kes ini di bawa ke Mahkamah. Wanita ini juga mendakwa bahawa ayahnya telah menukar agama ditempat lain dan bukannya ditempat dimana ayah beliau tinggal bersama beliau selepas menukar agama dan sebelum kematian. Berdasarkan kepada fakta tersebut Abu Ibrahim merumuskan beberapa persoalan yang menjadi kunci dalam kes ini. Pertama sama ada beban pembuktian adalah ditanggung oleh wanita tersebut atau orang yang mendakwa, kedua sama ada syahadah ini masih berautoriti atau sudah lemah, ketiga kes ini berlaku dibawah tadbir mazhab Maliki, semestinya dikaji berdasarkan perspektif mazhab tersebut dalam persoalan pertukaran agama bagi kanak-kanak apabila salah seorang ibu atau bapanya memilih agama Islam dan meninggalkan agama asal. Setelah menilai dari pelbagai sudut Abu Ibrahim membuat rumusan bukti pembuktian tertanggung oleh wanita tersebut untuk membuktikan beliau tidak dibesarkan dengan cara hidup Islam. syahadah jiran wanita tersebut walaupun berupa syahadah al-Sama adalah sah dan diterima dalam perundangan Islam. sementara tempoh masa yang berlalu selepas kematian

ayah wanita tersebut adalah suatu yang syubhah, sekalipun wanita itu disabitkan kesalahan ianya tidak boleh dikenakan hukuman bunuh kerana murtad. [Mohd Daud Bakar:5]

Kes 3 mana pendapat terdahulu boleh dirombak atau tidak perlu diikuti sekiranya terdapat satu penemuan-penemuan yang baru berasaskan kepada penelitian dan pengkajian. Misalnya para ahli fiqh menyebut bahawa batas waktu [paling lama] kandungan berada dalam perut seorang ibu adalah dua tahun menurut Hanafi berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah. Pendapat ini diikuti oleh mazhab Hanbali. Menurut pendapat Syafi'e dan Imam Hambali empat tahun, sementara imam Malik lima tahun. Bahkan ada pendapat dari kalangan Maliki sehingga tujuh tahun. Pendapat ini berdasarkan dari cerita daripada sebahagian perempuan. Namun ilmu moden yang mendasarkan atas eksperimen dan penelitian telah menolak pendapat yang berlebihan itu dimana pendapat itu tidak berasaskan kepada bukti nyata atau penelitian dan tidak juga berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadis. Ibn Hazm telah menolak semua pendapat di atas dan membuat justifikasi baru dengan menyatakan kandungan bagi seorang perempuan adalah setahun menurut hitung tahun kamariah.

Berdasarkan kepada penelitian tersebut Yusuf al-Qardawi telah membahagikan ijithad semasa kepada tiga iaitu *ijithad al-Intiqā'* iaitu ijithad untuk memilih salah satu pendapat yang terkuat diantara beberapa pendapat yang ada dalam kitab-kitab fiqh atau kitab-kitab pensejarahan Islam yang penuh dengan fatwa dan keputusan hukum. Ijithad seperti ini bermaksud kita mengadakan penyelidikan dan mengadakan komperatif diantara pendapat-pendapat dan melakukan penterjihan berdasarkan kepada pertama pendapat itu lebih sesuai dengan zaman, pendapat itu lebih mencerminkan kerahmatan kepada manusia, pendapat itu lebih dekat dengan kemudahan yang diberikan oleh syarak dan pendapat itu lebih utama dalam merealisasikan maksud-maksud syarak, maslahah manusia dan menghindarkan sebarang kerusakan kepada manusia. Pendapat ini timbul kerana perubahan sosio politik setempat, pengetahuan moden dan ilmu-ilmu baru yang muncul dan tuntutan zaman yang memerlukan ijithad itu lebih bersifat operasional atau praktis baik dalam perkara ibadah mahupun dalam aspek muamalah. Kedua *ijithad Insya'I* iaitu satu keupayaan untuk mengambil kesimpulan hukum atau cara baru dalam sesuatu masalah, di mana permasalahan tersebut belum pernah dikemukakan oleh ulama terdahulu, sama ada permasalahan itu baru atau lama. Misalnya pendapat yang dikemukakan oleh Syeikh Abdullah b Zaid al-Mahmud ketua perundangan Qatar tentang boleh memakai pakaian ihram dari Jeddah bagi jemaah haji yang naik pesawat. Menurut Yusuf al-Qardawi ijithad ini adalah ijithad insya'I kerana zama dahulu belum ada pesawat. Syeikh Abdullah berhujah bahawa hikmat ditetapkan miqat haji pada tempat tertentu kerana tempat-tempat tersebut berada dijalan masuk ke Mekah, tempat-tempat Miqat tersebut semuanya terletak di pinggir Hijaz. Oleh kerana Jeddah menjadi jalan bagi jemaah yang naik pesawat dan dengan alasan darurat mereka boleh untuk menentuka miqat di bumi untuk memulakan ihram haji atau Umrah. [al-Qardawi:172]. Ketiga ialah ijithad gabungan antara *intiqā'* dan *insya'I* iaitu ijithad dengan cara memilih pendapat ulama-ulama terdahulu yang lebih sesuai dan lebih kuat, kemudian menambah dengan pandangan dan pendapat yang baru dalam ijithad tersebut. Misalnya ijithad yang dikeluarkan oleh lujnah fatwa Kuwait iaitu tentang penguguran anak. Fatwa itu menyebut “dilarang atas seorang doktor mengugurkan kandungan seorang perempuan setelah sempurna 120 hari sejak menjadi segumpal darah kecuali untuk menyelamatkan jiwa ibu dari bahaya yang diakibatkan oleh kandungan. Namun penguguran boleh dilaksanakan atas izin kedua suami isteri apabila kandungan itu belum sempurna 40 hari sejak menjadi segumpal darah. Apabila kandungan itu telah melepasi 40 hari dan belum sampai 120 hari, tidak boleh digugurkan kecuali dalam dua keadaan iaitu apabila tetapnya kandungan itu akan membahayakan kesihatan ibu sehingga tidak mampu menanggung bahaya tersebut, kedua apabila diketahui dengan pasti bahawa janin yang akan dilahirkan itu cacat jasmani atau kurang waras akalnya yang tidak mungkin disembuhkan.” Pendapat ini dikemukakan setelah mendapat pandangan daripada peralatan moden dan teknologi tentang kedudukan janin tersebut.

KESERASIAN IJITHAD DALAM SISTEM PENGURUSAN

Meskipun ijithad dalam pentadbiran bukanlah isu pokok atau dasar dalam sistem Islam, namun ia juga mempunyai disiplin yang tersendiri untuk diaplikasikan dalam mana-mana pentadbiran atau pengurusan. Seperti kaedah *al-ghayah tubarriru al-wasilah* [the end justify the mean] tidak boleh diaplikasikan dalam mana-mana kaedah pengurusan Islam, kerana ia akan menimbulkan banyak implikasi yang akan ditanggung. Misalnya seseorang yang hendak mendapatkan kuasa, maka ia perlu menggunakan pendekatan yang tidak beradab dan bertentangan dengan nilai kemanusiaan serta keadilan sejagat. Islam tidak menerima pendekatan yang digunakan itu kerana ia bertentangan dengan kaedah pengurusan Islam. Demikian juga jika seorang usahawan yang hendak mendapatkan tender sesuatu projek, oleh kerana terdapat persaingan dengan orang lain, maka mereka terpaksa menggunakan cara dan kaedah yang diluar

batas peradaban manusia yang jujur. Justeru itu beberapa identiti perlu ada dalam sistem pengurusan Islam khususnya kalau ia merujuk kepada pendekatan ijtihad dalam menyelesaikan gelagat pengurusan dalam pengurusan semasa, khususnya kalau ia merujuk kepada manusia [personalia] yang hendak melaksanakan tanggungjawab itu. Nilai-nilai murni seperti ikhlas, bersih, benar, berdisiplin, amanah dan sebagainya adalah teras kepada keharmonian sesuatu pengurusan sedangkan nilai-nilai negatif akan meletakkan imej sesuatu pengurusan itu juga negatif pada pandangan umum. Seperti apa yang selalu diungkapkan oleh Rasulullah saw supaya baginda sentiasa dijauhi atau dibebaskan dari sifat ragu, dukacita, rendah diri, malas, berat tulang, bakhil, takut dengan manusia dan dibebani hutang. Kerana nilai-nilai tersebut akan menggambarkan imej individu atau sesuatu organisasi.

Sekalipun keperluan metrial sesuatu jabatan itu lengkap dan canggih, namun pengendali organisasi itu tidak mencerminkan pemikiran, dan ketamadunan [kemajuan] sesuatu institusi ia tidak memberi apa-apa makna kepada organisasi tersebut. Ini bermakna secara ijtihadnya pengurusan dan pembangunan manusia harus menjadi perioriti atau keutamaan dalam membangunkan sesuatu organisasi dari sudut pandangan Islam. Terdapat beberapa nilai pengurusan yang telah diketengahkan oleh Islam dalam memastikan organisasi itu milik bersama. Antaranya ialah;

Pertama nilai *mas'uliyah* iaitu rasa kebertanggungjawaban yang bukan sahaja merujuk kepada rasa kekitaan dalam organisasi tetapi yang lebih utama ialah *mas'uliyah* kepada Allah dan diri sendiri. sifat kebertanggungjawaban wajar menjadi tatanilai yang mantap dalam pemikiran dan cita rasa pegeraja dalam satu organisasi. Rasulullah saw menyebut dalam ucapannya “beramallah kamu seolah-olah kamu melihat Allah, sekalipun kamu tidak melihat Allah, sesungguhnya Allah melihat kamu”. Demikian juga firman Allah saw dalam surah al-Zilzalah ayat 7 dan 8 yang bermaksud: “maka sesiapa berbuat kebajikan sebesar zarrah, nescaya akan dilihatkan, dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarrah, nescaya akan dilihatnya”. Dalam arti kata lain setiap pekerja akan sentiasa berhati-hati, prihatin dan berdisiplin dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kerana setiap amal atau kerja meskipun sebesar zarrah akan dikira atau dihitung oleh Allah swt, kerana itu tugas-tugas yang diberikan kepada individu itu terletak atas bahu mereka sendiri menanggungjawabnya dan bukannya kepada orang lain. Juga dalam firman Allah swt dalam surah al-Fatir ayat 18, bermaksud “dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain”. Rasulullah saw bersabda “setiap penanggungjawab akan ditanya tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Laki-laki bertanggungjawab atas rakyatnya dan mereka akan ditanya tentang tanggungjawabnya, wanita bertanggungjawab atas harta suaminya dan ia akan ditanya tentang tanggungjawabnya, hamba bertanggungjawab terhadap harta tuannya dan ia akan ditanya tentang tanggungjawabnya...”. Kerana itu konsep **kawalan atau pengawasan** bekerja dalam pengurusan Islam lebih banyak difokuskan kepada kawalan dalam diri individu itu sendiri, iaitu individu dapat mengawal diri mereka sendiri, konsep ini jelas kalau dirujuk kepada nilai dosa dan pahala dimana ia menjadi nilai yang amat relevan dalam menentukan kepertanggungjawaban diri dalam pekerjaan. Berdasarkan kepada konsep itu, pembangunan manusia atau pembangunan staf menjadi nilai keutamaan dan terpenting dalam mana-mana organisasi dengan merujuk kepada pembangunan mental dan spritual.

Kedua nilai **kebebasan** dalam melaksana tanggungjawab. Setiap manusia mempunyai bidang tugas, keupayaan dan kelebihan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain,. Aspek kebebasan menjadi kayu ukur dan ciri terpenting dalam mencetuskan inovatif dan kreatif sesuatu pengurusan. Kebebasan memberi pandangan, memberi teguran, memberi kritikan, kebebasan mencipta reka, kebebasan untuk menghasilkan sesuatu sistem yang sejajar dengan kehendak dan kemampuan organisasi harus diberikan kepada setiap kakitangan. Galakan, insentif dan ganjaran patut diberikan kepada mereka yang berkeupayaan mencipta reka sesuatu yang bermanfaat kepada organisasi. Pengurusan tidak perlu menyekat pertumbuhan dan percambahan idea dalam satu-satu organisasi sekalipun idea itu kadang-kadang salah. Galakan mengemukakan idea sekalipun salah tidak wajar dijadikan alasan untuk menutup pintu kebebasan untuk mencetuskan idea yang baru atau dikenakan tindakan disiplin kepada individu tersebut. Inilah yang diperkatakan oleh Rasulullah saw tentang galakan untuk melakukan ijtihad kepada kakitangannya sekalipun ijtihad itu tidak tepat atau bersalahan. Sabda Rasulullah saw bermaksud: “apabila seorang hakim berijtihad dan benar maka baginya dua pahala, tetapi bila berijtihad lalu salah atau keliru maka baginya satu pahala”. Sifat kebebasan yang diberikan oleh pengurusan tidak akan berfungsi sekiranya pekerja tidak disusuli dengan sifat **keberanian** untuk melakukan sesuatu yang kadang-kadang bertentangan dengan sistem yang telah lama berjalan. Rasulullah saw mengungkapkan “berkatalah benar walaupun pahit”. Rasulullah saw juga pernah mengemukakan pandangannya soal jihad, dimana menasihati pemimpin yang zalim termasuk dalam kerangka jihad besar”. Apa yang diperkatakan oleh Rasulullah saw ini memberi satu gambaran yang cukup jelas supaya semua orang bertanggungjawab dalam urusan mereka seharian.

Soal nasihat bukan sahaja datang daripada atas ke bawah tetapi juga perlu datang daripada bawah ke atas Rasulullah saw bersabda katanya “ agama itu adalah nasihat, sahabat bertanya kepada siapa?, kata Rasul kepada Allah, Nabi dan kaum Muslimin keseluruhannya”. Kewujudan fatwa dalam sepanjang sejarah Islam apabila wujudnya sifat keberanian para ulama mengemukakan pandangan dan pendapat yang kadang-kadang berbeza dengan pandangan dan pendapat yang sudah menjadi kebiasaan masyarakat tempatan. Misalnya kes-kes terbaharu yang menyentuh soal hak berkahwin dimana pernah dicadangkan ujian saringan mandatori pembawa HIV/AIDS diwajibkan kepada bakal pengantin Islam. pandangan ini masih dipertikaikan dan sehingga kini tidak terdapat pandangan yang jelas malah berhubung dengan persoalan perundangan berhubung dengan kelayakan pembawa HIV/AIDS untuk bekerja, mendapat biasiswa, mendapat perlindungan insuran dan sebagainya masih belum wujud.

Ketiga ialah nilai *syura*, iaitu melakukan pebincangan, perbahasan, perdebatan, bagi mengeluarkan pendapat dan percambahan idea dalam mencari penyelesaian sesuatu masalah. Institusi yang tidak mengamalkan ciri permesyuaratan dalam sistem pengurusan akan menyebabkan organisasi tersebut tidak akan berdaya maju dan berkembang dalam pelbagai aspek. Syura yang diperkenalkan oleh Islam dalam melaksana tanggungjawab pengurusan memberi arti perbahasan yang mendalam dan terperinci untuk mendapat kata sepakat [*consensus*] yang betul-betul difahami oleh semua pihak dan diterima pakai dalam organisasi tersebut. Syura telah diperkenalkan oleh Rasulullah saw sejak mula baginda mentadbir Madinah boleh dikatakan Rasulullah bermesyuarat dalam semua aspek pentadbirannya, sehingga diperkatakan oleh Aisyah dimana beliau belum pernah melihat orang yang paling banyak bermesyuarat melainkan Rasulullah saw. khususnya dalam aspek pentadbiran, peperangan dan pembahagian zakat. Lebih jauh daripada itu syura telah juga diaplikasikan semasa pemerintahan Khulafa al-Rasyidin bukan sahaja menyangkut soal yang kecil tetapi juga menjangkau aspek yang lebih besar seperti pemilihan khalifah, pelantikan kakitangan, pembayaran gaji kakitangan, peperangan dan pembahagian wilayah pentadbiran Islam.

Al-Qur'an banyak mengajak umat Islam supaya berfikir dalam menyelesaikan sesuatu masalah apabila terdapat seolah-olah perintah Allah swt saling bertentangan antara satu sama lain. Misalnya dalam satu aspek Allah swt menuntut umat Islam supaya semuanya pergi berperang tanpa melihat sama ada individu itu dalam keadaan sukar ataupun senang. Ini dapat dilihat dalam surah al-Taubah ayat 41 yang bermaksud “ berangkatlah kamu baik dalam keadaan merasa ringan ataupun merasa berat”. Tetapi dari aspek yang lain terdapat ayat yang seolah-olah tidak menggalakkan semua umat Islam berangkat pergi berperang, dan membenarkan sebahagian yang lain tinggal dan mendalami ilmu, ini dapat dilihat dalam surah al-Taubah ayat 122 yang bermaksud “ tidak sepatutnya bagi orang mukmin pergi semuanya [ke medan perang] oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka supaya tinggal mempelajari secara mendalam ilmu dan mengajarkan ilmunya...”. Dua ayat ini menuntut satu jalan penyelesaian yang sejajar dan sesuai dengan keperluan dan kepentingan umat dan negara pada ketika itu, soalnya siapakah yang akan membahaskan persoalan ini dan bagaimana pelaksanaannya dalam pentadbiran?. Di sinilah keperluan dan keserasian *ijtihad* dan *syura*.

Selain daripada aspek dasar, terdapat beberapa metode yang boleh diketengahkan bagi memperlihatkan ijtihad boleh diguna pakai dalam menyelesaikan gelagat pengurusan semasa. Antara metode yang selalu diperlihatkan dalam menggambarkan sistem pengurusan Islam itu bersifat *fleksibel* atau *murunah* dan anjal pelaksanaannya ialah **Mudah dan tidak membebankan**. Allah swt berfirman dalam surah al-Hajj ayat 78 bermaksud; “ Allah sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama itu sesuatu yang sempit”. Demikian juga firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud; “ Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesulitan bagi mu”. Dan sabda Rasulullah saw yang bermaksud “ permudahkanlah dan jangan kamu mempersukarkan, gembirakanlah dan jangan kamu mendukacitakan..”. ayat dan hadis ini menggambarkan bagaimana Allah swt dan diperhalusi oleh Rasulullah saw memberi satu kebebasan kepada manusia untuk mencipta reka sistem yang paling baik dan sesuai dengan keperluan manusia. Yang utama bagi Allah swt dan Rasulullah saw untuk manusia ialah **mudah atau mengembirakan dan tidak membebankan** dalam semua urusan hatta dalam urusan ibadat sekalipun. Misalnya dalam urusan ibadat ada konsep menghimpun, memendek dan menggantikan dengan amalan yang lain. Demikian juga dengan kaedah yang berkaitan dengan pengurusan, manusia boleh mencipta, mereka dan mecetuskan satu bentuk kerja yang paling baik dan sesuai sejajar dengan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan *maslalah ammah*. Kalau kerehah birokrasi yang menghambat masyarakat berurusan dengan organisasi kita, pengurusan harus mencari jalan yang paling sesuai untuk mengurangkannya atau menghapuskan halangan-halangan yang boleh membantut perkembangan sistem pengurusan organisasi sehingga membebankan masyarakat. Kewujudan sesuatu organisasi atau sistem pengurusan dalam Islam berfalsafah atau berkonsepkan memberi kemudahan kepada masyarakat umum,

kerana itu organisasi harus membuat satu sistem yang lebih mudah dan meringankan umat keseluruhannya. Kaedah ini disebut dalam ilmu *usul fiqh* dengan *Sad al-Zara'i* iaitu menghilangkan sebarang bentuk penghalang atau menutup sebarang bentuk perkara yang boleh membantutkan perjalanan dan kelicinan pentadbiran organisasi atas maksud mempermudah pencapaian sesuatu tujuan atau maksud organisasi.

Pelaksanaan ijihad juga boleh berasaskan kepada adat kebiasaan atau tatasusila yang telah lama diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau sesuatu organisasi. Pengamalan cara itu telah menjadi lumrah dan selesa digunakan oleh masyarakat sekeliling atau berurusan dengannya. Rasulullah saw menyebut dalam sebuah haditsnya bermaksud “apa yang dilihat baik oleh orang Muslim maka dia juga baik di sisi Allah swt”. Kaedah ini yang dikemukakan dalam *usul fiqh* ialah *al-'Adah al-Muhakkamah'* iaitu adat kebiasaan boleh digunapakai dalam melaksanakan sesuatu peraturan atau hukuman. Meskipun bersifat tetap, adat kebiasaan boleh diubah suai, mengikut keperluan umat pada keseluruhannya. Imam Syaf'ie pernah menukar fatwanya yang diistilahkan dengan *kaul qadim* yang dibuatnya di Iraq mengikut adat istiadat orang Iraq dengan *kaul jadid* yang dikemukakannya di Mesir berdasarkan kepada situasi di Mesir ketika itu. Perbezaan ini berlaku adalah disebabkan perbezaan budaya dan nilai hidup sesuatu bangsa disesuatu kawasan. Muhammad Abu Zahra menyebut “kebanyakan hukum berbeza mengikut kesesuaian zaman pada ketika itu, sekiranya hukum tidak berubah sebagaimana asalnya maka ia mungkin menyusah dan memudaratkan manusia lainnya terkemudian. [Abu Zahra:256] misalnya disepakati oleh imam Hanafi tidak harus mengambil upah bagi mereka yang mengajarkan al-Qur'an, kerana ia adalah ibadat dan ibadat tidak boleh diberi upah, soalnya apakah pendapat ini boleh diteruskan pada masa ini?, dan bagaimana kalau tidak ada orang yang hendak mengajarkan al-Qur'an? Atau kalau itulah kemahiran yang ada dimiliki oleh individu tersebut?.

KESIMPULAN

Huraian di atas menggambarkan ijihad boleh berfungsi sebagai satu pendekatan yang boleh digunapakai untuk menyelesaikan sesuatu isu yang berhubung dengan pentadbiran. Penulis berpandangan Ijihad bukan sahaja berfungsi dalam bidang hukum dan perundangan Islam semata-mata, tetapi juga meliputi bidang politik yang menyangkut soal kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran negara, masyarakat, sosio-budaya dan hubungan kaum, amalan kewangan dan ekonomi yang melibatkan kepentingan umum seperti pengswastaan institusi-institusi yang melibat kepentingan umum seperti elekerik dan air. Ulama harus dilibatkan sama dalam menentukan tahap kemurnian alam sekitar dan pembangunan negara atau negeri tidak membawa ketidakadilan kepada mana-mana pihak dan juga menentukan tanggungan liabiliti apabila berlaku kemalangan. Semua instrumen tersebut perlu melibatkan kefatwaan atau ijihad daripada cerdik pandai Islam agar ianya tidak lari daripada landasan syariat. Instrumen ijihad yang dilihat sebagai kesungguhan [komitmen] atau *istiqamah* melakukan sesuatu untuk mendapatkan sesuatu adalah manifestasi Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap secukup dengan kehendak masa.

RUJUKAN

Al-Qardawi, Yusof, 1985, *al-Ijihad fi al-Syari'iah al-Islamiyah ma' Nazarat Tahliliyah fi al-Ijihad al-Mu'asar*, Daru Qalam, Kuwait.

Muhammad Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh*, Dar al-Fikr al-'Arabi, Kaherah

Mohd Abu Bakar, Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam, *Jurnal Syariah*, Jld 5, bil. 1, 1997, Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ahmad Atory Hussein, 1990, *Pentadbiran Awam Asas Pemikiran dan Falsafah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Muhammad al-Bureay, 1992, *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, [terj], Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Abdul Rahman Doi, 1995, *Undang-undang Syariah*, [terj] Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Naceur Jabnoun, 1994, *Islam and Management*, Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.